

**RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN KEMAHIRAN HIDUP
PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN (TAHUN 4)**

Mata pelajaran :Kemahiran Hidup
Tarikh :23 Mac 2011
Kehadiran : 30/30
Masa :10.30 pagi hingga 11.30 pagi (1 jam)
Kelas :4 Delima
Umur : 10 tahun.
Bilangan Murid :30 orang
Tajuk :Unit 2 (Merancang Dan Menyediakan Jualan)
Sub topik : Menyediakan Barang Jualan.

Pengetahuan sedia ada : 1.Murid mengetahui jenis barang jualan.
2.Murid telah mengenalpasti bahawa barang jualan yang hendak dijual perlu dibungkus,dilabelkan dan ditetapkan harga jualan.

Objektif pengajaran : Di akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat :

1. menyatakan sekurang-kurangnya tiga daripada empat jenis barang yang tidak perlu dibungkus setelah tanpa bantuan buku teks.

2. menyenaraikan tiga daripada empat jenis barang yang perlu dibungkus setelah mendengar penerangan guru.
3. menyatakan empat daripada empat langkah penyediaan barang jualan dengan tepat tanpa merujuk buku teks.
4. menentukan tujuan membungkus dan melabel barang jualan bagi mempromosikan barang jualan tanpa bantuan guru .

Kemahiran berfikir : Membanding beza, mengkategorikan, menyelesaikan masalah.

Bahan bantu mengajar : Buku teks Kemahiran Hidup tahun 4, alat tulis ,
kalkulator, pembalut bungkusan, label barang jualan,
penimbang, penyukat.

Penerapan nilai murni :

1. Ketelitian
2. Berdisiplin
3. Memberi perhatian
4. Kerjasama
5. Tekun

Strategi P&P : Deduktif, Induktif, kontekstual, konstruktif dan komunikatif, soal jawab, demonstrasi

Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran :

Langkah / Masa	Isi Pelajaran	Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran	Catatan/Nilai
Set induksi (5 minit)	-Bersoal jawab tentang jenis-jenis barang jualan yang boleh didapati di koperasi sekolah berdasarkan pengetahuan sedia ada murid dan barang jualan yang dibawa oleh guru. I. Alat tulis seperti pensel,pen dan buku II. Makanan ringan seperti gula-gula dan kacang	-Guru bertanya apakah dua jenis barang jualan tersebut. • Alat tulis • Makanan - Siapa yang membeli barang jualan? • Murid tahap satu • Murid tahap dua • Guru-guru	Nilai :Berjimat cermat. -Membeli barang jualan megikut keperluan. KBKK: kemahiran menghubungkan pengalaman sedia ada. BBM: Alat tulis :pensel,pen dan buku Makanan ringan :gula-gula dan kacang
Langkah 1 (10 minit)	Penerangan cara menyediakan barang jualan. - mengasingkan barang	1.Guru menerangkan cara menyediakan barang jualan dengan menunjukan gambar penyediaan	BBM: slide Power Point penyediaan barang jualan.

	 - timbang atau sukat barang  - bungkus dan labelkan. 	barang jualan . (slide Power Point) 2.Murid bersoal jawab dengan guru tentang peralatan yang digunakan untuk menyediakan barang jualan. • Penimbang • Penyukat • Pembungkus plastik • Label bungkus 3.Guru meminta murid menerangkan semula peralatan yang digunakan untuk menyediakan barang jualan. - Menyatakan sekurang- kurangnya empat peralatan yang digunakan menyediakan barang jualan dengan betul setelah mendengar penerangan guru.	ABM: penimbang,penyukat, pembungkus plastik Nilai:Memberi perhatian, tekun KBKK: menyelesaikan masalah. Strategi: Deduktif & soal jawab
--	--	--	---

Langkah 2 (15 menit)	Guru menunjukkan langkah penyediaan barang jualan: 1. Mengasingkan barang 2. Membuat pecahan pukal. 3. Timbang atau sukat barang. 4. Bungkus dan labelkan.	1. Murid menyaksikan langkah-langkah penyediaan barang jualan dan tujuan membungkus dan melabelkan barang jualan yang ditunjukan dalam slide power point. 2. Guru bersoal jawab dengan murid berkaitan langkah-langkah penyediaan barang jualan. Contoh soalan: Apakah langkah pertama yang perlu di lakukan dalam menyediakan barang jualan? 3. Guru menunjukkan demonstrasi langkah-langkah penyediaan barang jualan iaitu mebungkus dan melabelkan barang jualan dihadapan murid iaitu :	BBM : slide power point, alat tulis, kacang, gula-gula, pembungkus makanan, penimbang, label barang. KBKK : Banding beza & mengkategorikan Nilai: Ketelitian Strategi: kemahiran berfikir, Kontekstual , kemahiran mendengar dan demonstrasi.
---------------------------------	--	--	---

		• Mengasingkan barang yang perlu dibungkus dan tidak perlu dibungkus. • Asingkan barang mengikut jenis. • Menimbang atau menyukat kuantiti barang yang hendak di bungkus. • Membungkus barang dan melabelkannya. 4. Guru memberi peluang kepada murid untuk menanyakan soalan dan mencuba melakukan aktiviti penyediaan barang setelah murid memahami langkah-langkah penyediaan dengan betul. Penilaian. - murid dapat menyatakan tiga	
--	--	--	--

		daripada empat langkah –langkah penyediaan barang jualan dengan tepat setelah mendengar penerangan guru.	
Langkah 3 (10 Minit)	Amali Demonstrasi langkah-langkah penjagaan penyediaan barang jualan oleh murid : • Mengasingkan. • Membuat pecahan pukal. • Timbang atau sukat barang. • Bungkus dan labelkan.	1. Guru bertindak sebagai pemerhati dan membetulkan setiap kesilapan yang dilakukan oleh murid. 2. Murid berada dalam kumpulan iaitu seramai empat orang bagi setiap kumpulan. 3. Guru menyediakan set alatan dan bahan yang lengkap kepada murid. 4. Murid bekerjasama dalam kumpulan melakukan langkah-langkah penyediaan barang jualan mengikut	Alatan: Barang jualan, penimbang, penyukat, pembungkus, label. KBKK: Mengkategori & Menyelesai masalah. Nilai Murni: Kerjasama dan Bertanggungjawab Strategi: Konstruktif & demonstrasi

		penerangan dan demonstrasi yang telah diberikan oleh guru. Penilaian. - murid melakukan empat langkah langkah penyediaan barang jualan dengan tepat tanpa bantuan daripada guru.	
Penilaian (10 minit)	Penilaian / pengukuhan	1. Guru membuka sesi soal jawab dengan memberi peluang kepada murid untuk mengemukakan soalan atau menyuarakan pendapat. 2. Murid diberi lembaran kerja berkaitan penyediaan barang jualan. 3. Murid menjawab dan mengisi tempat kosong pada lembaran yang diberikan.	BBM:Lembaran soalan Nilai:Memberi perhatian,kerjasama dan ketelitian Strategi: Kemahiran berfikir kritis dankreatif, soal jawab.

Penutup (5 minit)	Rumusan isi pelajaran: Kepentingan penyediaan barang jualan dan tujuan membungkus dan melabel barang jualan. 有	1. Guru membuat rumusan tentang pelajaran hari ini kepada murid 2. Guru menyoal murid secara rambang mengenai kepentingan dan tujuan penyediaan barang jualan. 3. Guru meminta murid merumuskan isi pelajaran. 4. Guru mengedarkan nota ringkas dan meminta murid mengulang kaji di rumah serta menyimpan nota. Aktiviti susulan. - Murid-murid diminta mencari dan mengumpulkan pembungkus dan label yang terdapat pada barang jualan untuk dibawa pada kelas	BBM :Nota ringkas Nilai : Perhatian dan kerjasama. Strategi : Membuat rumusan.
--------------------------------	---	---	---

		berikutnya.	
--	--	-------------	--

Refleksi : Pengalaman pertama kali menyediakan Rancangan Pengajaran harian amatlah mencabar dan menyukarkan bagi saya. Ketelitian dalam pemilihan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan topik yang akan diajar amatlah penting agar segala objektif pengajaran dapat dicapai dan seterusnya dapat memberikan murid satu proses pembelajaran yang berkesan.